

13/02/2000

Proses buat keputusan perlu telus

BANGKOK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, semua negara membangun mesti dibenar menyertai proses membuat keputusan dalam semua institusi antarabangsa supaya tahap serta arah liberalisasi dan globalisasi dapat dikawal.

Berucap di sidang pleno sesi ke-10 Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD X) di sini semalam, Perdana Menteri berkata institusi antarabangsa mesti mempunyai mekanisme bagi membolehkan pandangan semua pihak diambil kira.

Proses membuat keputusan mesti telus dan bukan hanya mencerminkan pandangan perniagaan dan kerajaan besar, tetapi turut mewakili suara perniagaan dan kerajaan kecil yang terancam.

Perdana Menteri berkata, persidangan menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Seattle baru-baru ini jelas menunjukkan perlunya penyertaan semua pihak dalam membuat keputusan, termasuk NGO.

"Memang sudah tiba waktunya semua NGO yang relevan, diberi forum sewajarnya bagi menyuarakan pandangan mereka. Demonstrasi jalanan boleh menjadi panggilan supaya bangun daripada tidur tetapi kegunaan mereka agak terhad," katanya.

Mesuarat WTO di Seattle untuk memutuskan satu peraturan baru perjanjian perdagangan bebas Disember lalu, gagal ekoran rusuhan NGO yang antiglobalisasi. Beberapa negara Afrika turut mengancam untuk keluar dari pertubuhan itu kerana kecewa selepas mereka dipinggirkan daripada beberapa sesi perbincangan.

Beliau adalah ketua kerajaan pertama berucap di sidang pleno itu, yang bermula lewat petang semalam, diikuti Abdurrahman Wahid (Indonesia), Goh Chok Tong (Singapura), Keizo Obuchi (Jepun) dan Joseph Estrada (Filipina).

UNCTAD X dirasmikan oleh Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai. Hadir sama ialah Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan. Sebelum itu, Dr Mahathir dan pemimpin Asean lain menyertai perbincangan antara pertubuhan itu dengan Annan dan ketua agensi PBB.

Perdana Menteri berkata, semua negara mesti menguruskan proses globalisasi untuk faedah bersama kerana peraturan perdagangan WTO boleh memberikan faedah dan cabaran.

Dalam konteks liberalisasi perdagangan, tolak ansur lebih luas perlu diberi kepada negara membangun supaya mereka mempunyai lebih banyak pilihan dan jawapan bagi menangani kerumitan pembangunan dan pembinaan bangsa.

"Aspek ini dan keadaan khusus di negara membangun selalunya tidak diberi layanan yang cukup dan wajar dalam rundingan perdagangan. Negara membangun tidak boleh dan tidak harus diharapkan untuk mengambil tanggungjawab yang sama dengan negara maju.

"Tindakan membuka pasaran yang diharap dilakukan oleh negara membangun mestilah sepadan dengan tahap pembangunan. Prinsip liberalisasi progresif bukan saja harus bersepadu dengan sebarang inisiatif WTO tetapi mesti diakui sepenuhnya oleh semua," tegas Perdana Menteri.

Beliau menegaskan, tanggungjawab dalam menangani isu pembangunan adalah satu tugas bersama dan kerana itu, negara maju mesti memainkan peranan aktif membantu negara yang menghadapi masalah kemiskinan, kebuluran, kesihatan, Aids, buta huruf dan diskriminasi jantina.

Bagaimanapun, negara membangun mesti menerima hakikat bahawa mereka juga perlu berusaha memastikan pertumbuhan mapan dan kemakmuran boleh dicapai.

Negara membangun mesti terus mengukuhkan ketahanan dan kemampuan domestik. Mereka mesti terus melabur dalam pembangunan sumber manusia, supaya mereka mempunyai kemahiran dan ilmu bagi menghadapi perubahan pesat dunia yang dikuasai pembaharuan dan kemajuan teknologi.

(END)